

15 SEP 2003

MAS-BUSINESS WEEK/I

MALAYSIA AIRLINES TARIK KELUAR IKLAN DARIPADA BUSINESS WEEK

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Malaysia Airlines dipercayai telah menarik keluar iklannya yang ditempatkan dalam majalah Business Week magazine.

Khabar angin tersebar bahawa syarikat pengangkut negara itu tidak berhasrat untuk meletakkan iklannya dalam majalah tersebut selepas dilaporkan bahawa Business Week mengugut untuk menulis perkara yang tidak baik mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya beliau enggan ditemubual dengan majalah tersebut.

Apabila ditanya, Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat Malaysia Airlines, Dr Mohamadon Abdullah berkata, "MAS (Malaysia Airlines) mengkaji semula dan menangguhkan keperluan medianya dengan Business Week."

Walaupun beliau enggan mengulas mengapa Malaysia Airlines mengambil langkah untuk menarik keluar iklannya daripada Business Week, dipercayai tindakan itu dibuat berikutan sikap tidak hormat yang ditunjukkan oleh majalah itu terhadap Dr Mahathir dengan ugutannya itu baru-baru ini.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa beliau tidak berhasrat untuk ditemubual dengan Business Week.

Meskipun Malaysia Airlines tidak mendedahkan nilai kempen iklannya dalam Business Week, dipercayai niaga janji itu bernilai kira-kira AS\$400,000 (kira-kira RM1.52 juta).

Business Week diterbitkan di New York oleh The McGraw Hill Group of Companies. Edisi Asia Business Week mempunyai edaran mingguan kira-kira 60,000 naskah. -- BERNAMA

SHY SHY ZK